

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN  
BIN HAJI HAMZAH [KUBANG PASU]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH** Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa terdapat permintaan sumbangan awam yang tinggi dari hospital dan klinik Kerajaan bagi menambah peralatan perubatan sedangkan Kerajaan telah menambah peruntukan khusus bagi COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi mengekang penularan pandemik COVID-19, Kementerian Kesihatan telah diberikan peruntukan sebanyak **RM 607,374,205 bagi perolehan peralatan perubatan.**
2. Perolehan ini adalah termasuk perolehan aset (perubatan dan bukan perubatan), ubat, reagen, konsumabel serta *Personal Protective Equipment* (PPE) tersebut dan proses ini tertakluk kepada tatacara perolehan Kerajaan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
3. Walau bagaimanapun, memandangkan COVID-19 ini adalah *unprecedented* dan semua negara terkesan, oleh itu permintaan (*demand*) bagi peralatan berkenaan adalah tinggi serta terdapat kekurangan bekalan yang menyebabkan proses pembekalan mengambil sedikit masa.
4. Dengan itu, rakyat Malaysia yang prihatin akan situasi semasa turut mahu membantu dengan memberikan sumbangan. Sumbangan yang diterima dapat melengkapkan keperluan hospital dan KKM amat menghargai dan berterima kasih atas sumbangan yang diberikan.

Sekian, terima kasih.